



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA NEGARA BRUNEI

DARUSSALAM

22 Mac 2020

1. Pada hari ini, 22 Mac 2020, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai **5** lagi kes baru yang telah disahkan dijangkiti COVID-19 di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes di negara ini adalah 88 orang.**

- Kes #84 berumur 32 tahun adalah kontek kerja kepada Kes #69. Kes ini telah mula mengalami demam, sakit kepala dan sakit sendi pada 15 Mac 2020.
- Kes #85 berumur 10 tahun adalah anak kepada Kes #81 yang tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negeri dan mula mengalami selsema dan sakit kepala pada 21 Mac 2020.
- Kes #86 dan Kes #87 adalah merupakan kontek keluarga kepada Kes #63. Kedua-duanya tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negeri dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
- Kes #88 berumur 39 tahun adalah seorang warga tempatan yang baru pulang dari United Kingdom ke negara ini pada 21 Mac 2020 dengan

menaiki pesawat Royal Brunei BI004 (tempat duduk 10K). Beliau mula mengalami batuk pada 19 Mac 2020 iaitu semasa masih berada di luar negara.

2. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa satu kes yang sebelum ini dalam keadaan kritikal, telah beransur pulih dan tidak lagi memerlukan bantuan mesin pernafasan. Sementara itu, terdapat beberapa kes yang dalam pemantauan rapi juga telah beransur pulih. Oleh itu, setakat ini, seorang kes masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin pernafasan, 2 orang di bawah pemantauan rapi manakala selebihnya dalam keadaan yang baik.
3. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan bahawa pada ketika ini seramai 1,651 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai 200 orang lagi telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 3,011 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan.
4. Sementara itu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengemaskinian terkini arahan pengasingan diri mandatori bagi semua penumpang yang tiba di Negara Brunei Darussalam melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang telah bermula pada 20 Mac 2020, di mana ia adalah juga merangkumi pelawat-pelawat dan pekerja-pekerja asing yang dibenarkan yang tiba ke negara ini. Oleh yang demikian, mana-mana pihak yang memenuhi syarat-syarat seperti berikut, adalah boleh diberi pertimbangan

untuk menjalani pengasingan diri di rumah mereka masing-masing. Syarat-syarat yang dimaksudkan adalah:

1. mempunyai bilik berasingan dengan kemudahan tandasnya tersendiri;
 2. memastikan rumah tidak mempunyai ahli-ahli keluarga yang berisiko tinggi;
 3. menandatangani surat perjanjian mematuhi **Dasar Pengasingan Diri** iaitu berada di dalam bilik dan tidak dibenarkan keluar selama 14 hari; dan
 4. menghadirkan diri bagi menjalani ujian makmal bagi COVID-19 di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dalam masa 24 jam selepas ketibaan.
5. Mana-mana rakyat atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang memilih untuk tinggal di **The Empire Brunei** bagi menjalani pengasingan diri bolehlah terus menghubungi pihak hotel tersebut untuk membuat tempahan sendiri, yang mana akan dikenakan bayaran sebanyak \$100 sehari bagi setiap seorang (\$1,400 bagi 14 hari). Ini adalah atas pembiayaan sendiri dan bukan pembiayaan kerajaan.
6. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan ingin sekali lagi mengingatkan orang ramai, khususnya mereka yang telah dikeluarkan **Perintah Kurantin atau Notis Pengasingan Diri** untuk mematuhi arahan yang telah diberikan, terutamanya tidak keluar dari rumah atau tempat kurantin yang telah ditetapkan. Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja

Brunei sentiasa memantau keberadaan mereka yang menjalani kurantin atau pengasingan diri. Pada hari ini, terdapat seorang warga tempatan telah didapati melanggar Perintah Kurantin dan telah dibawa untuk penyiasatan lanjut. Jika sabit kesalahan, beliau boleh dikenakan denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa).

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 27 Rejab 1441H / 22 Mac 2020